

PENYELIDIKAN LONJAK KEHIDUPAN RAKYAT

Penyelidikan merupakan nadi kepada pembangunan sesebuah negara. Usaha penyelidikan yang berjaya mampu membawa perubahan kepada kehidupan rakyat dan negara.



DATUK SERI IDRIS JUSOH menaiki kereta Sel Fuel selepas merasmikan kenderaan tersebut semasa Pameran Pencapaian Kejayaan Universiti Penyelidikan Siri Kelima di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.



SAYA menggesa universiti penyelidikan untuk terus mengeluarkan lebih ramai penyelidik yang boleh memberi kesan kepada masyarakat, industri dan negara.

Sejak penubuhan universiti penyelidikan pada 2007 universiti-universiti itu telah berjaya menghasilkan seramai 25,000 Doktor Falsafah (PhD) sehingga sekarang."

DATUK SERI IDRIS JUSOH
Menteri Pendidikan II

>22 APRIL

UNIVERSITI Malaysia Terengganu (UMT) melakar sejarah apabila berjaya menghasilkan produk kosmetik perubatan hibrid daripada pokok cucur atap yang berkesan untuk menegangkan kulit hanya dalam tempoh 12 jam.

Penyelidik Program Sains Kimia, Pusat Pengajian Sains Asas, UMT, Prof. Madya Dr. Mohd. Zul Helmi Rozaini berkata, produk yang dinamakan sebagai Floria itu diformulasikan daripada teknologi nanovesikal dan nanohedral yang bersifat nanoteknologi.

>14 MEI

KERJA keras mahasiswa tahun akhir program Pemasaran Antarabangsa Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) melakukan penyelidikan pemasaran akhirnya membuah hasil apabila mereka berjaya membentangkan 25 kertas kerja berkaitan isu semasa pemasaran.

Pensyarah Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan, Prof. Madya Dr. Norazah. Mohd. Suki berkata, pelajar-pelajar terlibat ternyata berjaya mengupas banyak isu pemasaran di Wilayah Persekutuan Labuan yang berlaku dalam persekitaran perniagaan masa kini.



>4 DISEMBER

LIMA universiti yang diiktiraf Universiti Penyelidikan di negara ini telah membuktikan peranannya dalam membawa perubahan kepada kehidupan masyarakat.

Masing-masing telah berjaya menghasilkan produk-produk yang dapat membantu kehidupan masyarakat pelbagai lapisan terutama melibatkan sektor keusahawanan, pertanian, pemilikan rumah, kesihatan, sosioekonomi dan alam sekitar.

Antara yang diketengahkan adalah kelima-lima universiti berkenaan termasuk;

- Teknologi pembersihan air bersih melalui batu kapur oleh Universiti Sains Malaysia (USM)
- Inovasi pembiakan kacip fatimah oleh Universiti Putra Malaysia (UPM)
- Palet halal ternakan ikan patin oleh Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
- Aplikasi MY-DRGTM oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- Kempen Sifat Sisa (ZWC) oleh Universiti Malaya (UM)

Pada masa sama, buku bertajuk 'Kesan Universiti Penyelidikan Malaysia sebagai Enjin Pertumbuhan bagi Pembangunan Negara' dilancarkan oleh Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh.